

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN KHOO POAY TIONG  
[ KOTA MELAKA ]**

**TARIKH : 14 OKTOBER 2019 [ ISNIN ]**

**SOALAN NO. 23**

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah inisiatif-inisiatif perumahan (sedia ada dan yang bakal diperkenalkan) untuk golongan berpendapatan M40.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, mulai tahun 2019, Kerajaan telah memperkenalkan skim baharu melalui platform penjanaaan dana masyarakat (*property crowdfunding*) sebagai sumber alternatif bagi pembelian rumah pertama yang dipacu oleh sektor swasta. Dalam hal ini, inisiatif FundMyHome yang diselia oleh EdgeProp Sdn. Bhd. telah diperkenalkan di mana pembelian rumah pertama boleh dibuat melalui bayaran deposit 20% daripada harga rumah dan baki 80% akan dibiayai oleh pelabur lain.

2. Selain itu, skim FundMyHome-Depositku pula menyediakan bantuan pembiayaan sebanyak 10% atau maksima RM30,000 kepada pembeli yang layak. Untuk peringkat permulaan, Skim FundMyHome-Depositku hanya dibuka untuk pembelian Harmoni Apartment @ Eco Majestic, Semenyih yang mana perumahan ini telah siap sepenuhnya dan sedia untuk diduduki.

3. Untuk makluman Yang Berhormat juga, pelaksanaan Skim Perumahan Mampu Milik Swasta (MyHome) telah mula dilaksanakan pada tahun 2014 dan masih dikekalkan pelaksanaanya. Skim MyHome bertujuan membantu golongan berpendapatan sederhana (M40) untuk memiliki rumah berharga tidak melebihi RM300,000.00 melalui insentif pembelian rumah pertama sebanyak RM30,000.00 bagi setiap unit rumah. Skim ini dapat mengurangkan nilai pembiayaan rumah pertama pembeli serta memberi manfaat kepada pemaju-pemaju swasta yang terlibat.

4. Selain itu Kerajaan juga telah memperkenalkan **Kempen Pemilikan Rumah (Home Ownership Campaign - HOC)** sehingga hujung tahun 2019 bersama dengan Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia (REHDA) di mana pihak pemaju akan memberikan diskaun sekurang-kurangnya 10% ke atas rumah yang sedia dibina, dan pihak Kerajaan pula menawarkan pengecualian duti setem. Insentif ini merupakan tindakan lanjutan oleh Kerajaan selepas memberikan pengecualian SST terhadap bahan binaan utama seperti batu-bata, simen, dan pasir, dan juga perkhidmatan pembinaan, dan pihak pemaju memberikan diskaun minimum 10% untuk rumah baharu, dalam usaha untuk mengurangkan harga rumah dan mengurus jumlah rumah yang tidak terjual.

Sekian, terima kasih.